

PRIVASI

Notis privasi ini (selepas ini dirujuk sebagai “Notis Privasi”) dikeluarkan kepada semua individu yang merupakan pelawat atau pengguna laman web (“Laman Web”) dan aplikasi **Gentari Go** (“Aplikasi kami” atau “App”) Gentari Green Mobility merentasi semua aspek perniagaan kami atau sebaliknya yang telah memberikan maklumat peribadi mereka kepada kami semasa menggunakan atau memperoleh mana-mana perkhidmatan kami.

Kami ingin anda memahami bahawa berkaitan dengan urusan komersial anda dengan kami, adalah perlu bagi kami untuk mengumpul dan memproses data mengenai diri anda dan/atau entiti perniagaan anda. Sila baca Notis Privasi ini dengan teliti untuk memahami amalan kami mengenai data peribadi anda dan bagaimana kami akan mengendalikannya.

Kami hanya akan mengumpul dan menggunakan Data Peribadi anda mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (dan mana-mana undang-undang lain yang mungkin digubal di Malaysia yang berkaitan dengan tadbir urus data peribadi pengguna dari semasa ke semasa) dan Notis Privasi ini dan apa-apa terma lain dalam perjanjian-perjanjian yang anda mungkin memeterai dengan kami atau telah dimeteraikan dengan kami.

Untuk tujuan Notis Privasi ini, istilah “Data Peribadi” hendaklah merujuk kepada sebarang maklumat yang berkaitan secara langsung atau secara tidak langsung kepada seseorang individu, di mana individu tersebut boleh dikenal pasti, dan termasuk data peribadi sensitif serta pendapat tentang mana-mana individu.

Anda boleh memilih sama ada untuk memberikan Data Peribadi anda kepada kami atau tidak. Dengan memberikan data peribadi anda kepada kami dan/atau menggunakan Perkhidmatan, App dan Laman Web kami, anda bersetuju dengan pengumpulan, penggunaan, dan pendedahan data peribadi anda mengikut Notis Privasi ini.

Dalam Notis Privasi ini, istilah “Gentari Green Mobility”, “kita”, “kami”, atau sebarang ungkapan lain yang seumpama merujuk kepada gabungan entiti-entiti berikut:

- a) **Gentari Green Mobility Sdn. Bhd** sebuah syarikat yang didaftarkan di Malaysia dengan nombor syarikat 202201022490 (1468187-P), sebuah anak syarikat milik penuh Gentari Sdn Bhd [(199301005062 (259799-X)] (“GSB”).

Pengumpulan Data Peribadi Anda oleh Kami

Kami mungkin mengumpul Data Peribadi anda secara langsung daripada anda termasuk tetapi tidak terhad kepada apabila anda:

1. mendaftar akaun di Laman Web dan/atau App kami;
2. menghubungi kami untuk maklumat berkaitan dengan Laman Web dan/atau App kami;
3. berkomunikasi dengan kami melalui sebarang medium komunikasi;
4. berinteraksi dengan Laman Web dan/atau App kami; dan/atau
5. mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti pemasaran dan/atau promosi kami.

Kami juga mungkin mengumpul Data Peribadi anda secara tidak langsung daripada anda, apabila kami mendapatkan maklumat anda daripada pihak ketiga termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat daripada pengadil anda, rekod awam, atau agensi pemeriksaan latar belakang yang mungkin terlibat untuk memberikan kami Data Peribadi anda. Sekiranya kami tidak diberikan semua Data Peribadi yang kami minta daripada anda, anda bersetuju dan mengakui bahawa kami mungkin tidak dapat menyediakan anda dengan perkhidmatan kami melalui Laman Web dan/atau App kami atau meneruskan penyediaan perkhidmatan kami melalui Laman Web dan/atau App kami.

Tahap dan jenis Data Peribadi yang kami kumpulkan daripada anda, atau mana-mana pihak ketiga bergantung kepada perkhidmatan kami yang anda langgani dan/atau tujuan pengumpulan Data Peribadi. Data Peribadi yang kami kumpulkan mungkin termasuk, tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

1. **Maklumat peribadi** seperti nama anda, pengenalan yang dikeluarkan oleh kerajaan (contohnya nombor pasport dan nombor Kad Pengenalan), kewarganegaraan, alamat, tarikh lahir, umur, jantina, maklumat kenderaan dan lokasi;
2. **Maklumat hubungan** seperti alamat kediaman, nombor telefon dan alamat e-mel anda;
3. **Maklumat peranti** seperti maklumat perkakasan peranti anda, nombor IMEI, UUID (pengenal unik), model peranti dan versi perisian, versi App, kod negara mudah alih dan kod rangkaian, versi sistem pengendalian peranti, nombor telefon dan tetapan peranti anda dalam mengakses Laman Web dan App kami;
4. **Butiran dan transaksi kewangan** seperti jenis perkhidmatan yang digunakan dan/atau diminta di Laman Web dan/ atau App, butiran kad kredit/debit (termasuk nombor kad, nama pemegang kad, kod CVV dan tarikh luput) dan butiran akaun bank. Untuk mengelakkan keraguan, transaksi dan butiran kewangan tersebut akan dikumpul, disimpan dan dikendalikan oleh penyedia gerbang pembayaran pihak ketiga kami melalui Laman Web dan/atau App kami;
5. **Maklumat log** seperti geolokasi, pelayar, alamat IP, masa dan tempoh penggunaan anda pada Laman Web dan App kami, maklumat diagnostik, teknikal, ralat dan informasi penggunaan, paparan halaman, sejarah kemas kini profil dan perubahan kata laluan;
6. **Maklum balas dan pendapat** tentang Laman Web dan/atau Aplikasi kami seperti komen, ulasan dan penilaian perkhidmatan yang ditawarkan melalui Laman Web dan/atau Aplikasi kami sama ada ia diberikan secara langsung kepada kami atau diterbitkan di platform awam yang lain;
7. **Sebarang data peribadi lain** yang tidak dinyatakan di sini yang anda berikan kepada kami atau dikumpulkan oleh kami semasa urusan anda dengan kami dan/atau di mana kami memerlukan anda untuk memberikan data peribadi yang lain bergantung kepada sifat perniagaan kami dan keadaannya, sifat urusan anda dan sebagainya; dan
8. **Di mana anda merupakan sebuah syarikat**, kami mungkin mengumpul Data Peribadi pekerja-pekerja anda. Untuk mengelakkan keraguan, anda hendaklah mendapatkan persetujuan daripada pekerja-pekerja sebelum memberikan Data Peribadi pekerja-pekerja tersebut.

Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa maklumat yang anda berikan kepada kami adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan sentiasa dikemas kini. Anda boleh mengemaskini Data Peribadi anda dengan menghubungi kami melalui kaedah yang disediakan di bawah.

Penggunaan Data Peribadi yang Dikumpul

Kami mungkin menggunakan Data Peribadi yang dikumpul untuk tujuan-tujuan yang berikut:

1. untuk menganalisis dan mengenal pasti identiti pengguna Laman Web dan App kami, pengguna berpotensi dan wakil mereka;
2. untuk menyediakan perkhidmatan kami melalui Laman Web dan App kami;
3. untuk menawarkan atau menyediakan apa-apa perkhidmatan yang berkaitan di Laman Web dan App kami, termasuk perkhidmatan tambahan nilai kami atau perkhidmatan rakan niaga/strategik kami yang bekerjasama dengan kami. Di mana anda memilih untuk menggunakan perkhidmatan rakan niaga/strategik kami, kami mungkin berkongsi Data Peribadi anda dengan mereka dan mereka mungkin menghubungi anda jika perlu untuk mendapatkan maklumat tambahan tentang anda bagi tujuan memudahkan dan melaksanakan penyediaan perkhidmatan mereka;
4. untuk mengurus dan menyelenggara akaun anda di Laman Web dan App kami bersama kami;

5. untuk tujuan pentadbiran termasuk tetapi tidak terhad kepada pemprosesan, pengesahan, pemenuhan, dan penyelesaian transaksi dan permintaan anda yang dibuat di Laman Web dan Aplikasi kami atau sebarang perkhidmatan berkaitan dengan Laman Web dan Aplikasi kami;
6. untuk membangunkan dan/atau melaksanakan inisiatif termasuk tetapi tidak terhad kepada menjalankan penyelidikan, penanda aras, analisis statistik, analisis produk, aktiviti profil pelanggan, analisis corak pelanggan, tingkah laku dan pilihan pelanggan, tinjauan pelanggan, dan temu duga untuk membantu menambah baik Laman Web dan App kami, membantu kami memahami keperluan dan minat anda dengan lebih baik serta untuk menerbitkan komen, ulasan, dan penilaian anda pada Laman Web dan App kami untuk tujuan pengiklanan dan pemasaran;
7. untuk mendapatkan pendapat atau komen anda mengenai Laman Web dan App kami;
8. untuk memaklumkan anda tentang sebarang promosi, tawaran dan/atau faedah lain (termasuk faedah pihak ketiga) yang mungkin tersedia, atau untuk menghantar pemberitahuan, maklumat terkini, surat berita, bahan-bahan pemasaran dan/atau promosi kepada anda, termasuk daripada pihak ketiga (seperti anak syarikat kami, syarikat berkaitan, ahli bersekutu, ahli gabungan, entiti yang dikawal bersama, pemegang saham dan entiti yang lain dalam kumpulan, rakan niaga/strategik), sama ada secara lisan atau bertulis melalui saluran komunikasi mana-mana yang dianggap sesuai oleh Syarikat, yang mungkin menarik minat anda;
9. untuk menjalankan diagnostik dalaman dan penilaian berkaitan untuk menyediakan kemaskini perisian, perkhidmatan penyelenggaraan, sokongan teknikal, dan kemaskini, perkhidmatan dan sokongan penting lain yang berkaitan dengan Laman Web dan App kami;
10. untuk menjalankan penyimpanan rekod dalaman dan mengemaskini sebarang pangkalan data maklumat, perkara berkaitan dengan perkhidmatan pelanggan, dan tujuan pentadbiran yang lain;
11. untuk menjalankan penyelidikan pasaran dan pengguna dengan menganalisis penggunaan Laman Web dan App kami dalam meningkatkan penyediaan tawaran baru dan yang diperibadikan kepada anda;
12. untuk memberi anda sokongan perkhidmatan, pengoptimuman pengurusan, sokongan pelanggan, dan sebarang perkhidmatan lain yang berkaitan dengan Laman Web dan App kami, termasuk memberi respons atau membuat susulan kepada pertanyaan, kebimbangan, masalah, atau aduan anda;
13. untuk mengesahkan identiti anda, menjalankan usaha wajar dan pemeriksaan latar belakang (termasuk semakan rekod kewangan dan jenayah), atau untuk menjalankan sebarang aktiviti pemantauan atau pemeriksaan lain atau prosedur pengurusan risiko yang mungkin diperlukan oleh undang-undang atau yang mungkin telah dilaksanakan oleh kami;
14. untuk menjalankan pemeriksaan kredit ke atas anda untuk semakan kredit, penilaian kredit, dan pemulihan hutang;
15. untuk mentadbir peraduan, penebusan, kempen atau promosi serupa yang anda sertai, termasuk untuk memberi anda ganjaran dan/atau hadiah (wang atau bukan kewangan);
16. untuk mematuhi kewajipan undang-undang kami termasuk memberi respons kepada permintaan oleh mana-mana badan dan pihak berkuasa kerajaan, kawal sedia dan penguatkuasaan undang-undang;
17. untuk sebarang tujuan penggabungan, pengambilalihan, transaksi pembiayaan, pemindahan, penyerahan, atau usaha sama;
18. untuk sebarang tujuan lain yang berkaitan dengan hubungan, permintaan, dan transaksi anda dengan kami; dan
19. untuk sebarang tujuan yang diperlukan atau dibenarkan oleh mana-mana undang-undang, peraturan, garis panduan, dan/atau pihak berkuasa kawal selia yang berkaitan.

Apabila kami mengumpul data peribadi daripada anda melalui App dan Laman Web kami, kami hanya akan berbuat demikian apabila diperlukan untuk memenuhi satu atau lebih

daripada tujuan yang dinyatakan di atas, atau dengan cara lain yang kami berikan notis khusus pada masa pengumpulan, atau yang anda telah bersetuju kemudiannya. Sekiranya terdapat tujuan baru untuk pengumpulan data yang tidak diliputi di bawah apa-apa tujuan yang disenaraikan di atas, kami akan memberitahu anda seperti yang diperuntukkan dalam Notis Privasi ini.

Pemprosesan Data Peribadi

Di mana kami bergantung kepada persetujuan anda untuk memproses Data Peribadi, anda boleh pada bila-bila masa menarik balik persetujuan terdahulu yang anda telah berikan kepada pemprosesan ini dengan menghubungi kami melalui e-mel di bawah tajuk "Hubungi Kami" di bawah. Walau bagaimanapun, sila ambil perhatian bahawa dengan menarik balik persetujuan anda, ia tidak akan menjejaskan kesahihan pemprosesan yang dilakukan berdasarkan persetujuan terdahulu yang anda berikan sebelum penarikan balik persetujuan anda.

Mungkin terdapat situasi di mana kami memproses Data Peribadi anda berdasarkan alasan undang-undang lain yang sah (selain daripada perolehan persetujuan anda) di mana terdapat alasan undang-undang yang lain untuk memproses data peribadi yang berkaitan. Kami tidak mendapatkan persetujuan anda dalam situasi-situasi ini kerana kami berhasrat untuk menyediakan anda dengan perkhidmatan yang ditawarkan di Laman Web dan App kami dengan cara yang paling berkesan (atau di mana dalam sesetengah kes, kami tidak mungkin mendapatkan persetujuan anda kerana kami perlu memproses Data Peribadi anda, sebagai contoh, untuk pengesanan penipuan).

Rujukan kepada persetujuan yang diberikan, atau dianggap telah diberikan, oleh individu untuk pengumpulan, penggunaan, atau pendedahan data peribadi mengenai individu tersebut, termasuk persetujuan yang diberikan, atau dianggap telah diberikan, oleh mana-mana individu yang bertindak secara sah bagi pihak individu tersebut untuk pengumpulan, penggunaan, atau pendedahan data peribadi tersebut.

Perkongsian dan Pendedahan Data Peribadi yang Dikumpul

Kami akan menggunakan dan mendedahkan Data Peribadi anda untuk tujuan-tujuan pengumpulan Data Peribadi, seperti yang dinyatakan di atas dan untuk tujuan-tujuan sekunder yang lain. Kami mungkin mendedahkan Data Peribadi anda kepada pihak ketiga (di dalam atau di luar Malaysia), yang kami percaya secara munasabah akan memerlukan akses kepada maklumat anda untuk menyediakan bantuan, maklumat, atau sebarang perkhidmatan yang anda perlukan daripada kami. Pihak ketiga tersebut termasuk:

1. anak syarikat kami, syarikat berkaitan, ahli bersekutu, ahli gabungan, entiti yang dikawal bersama dan pemegang saham kami;
2. kontraktor, sub-kontraktor, rakan niaga / rakan kongsi strategik kami (contohnya, vendor atau mana-mana pihak ketiga lain yang kami mungkin bekerjasama), tuan tanah, pembekal perkhidmatan, penasihat profesional, atau pembekal perkhidmatan lain yang menyediakan sebarang jenis produk atau perkhidmatan kepada kami atau kepada mana-mana anak syarikat kami, syarikat berkaitan, syarikat bersekutu, sekutu, entiti yang dikawal bersama dan pemegang saham termasuk tanpa had, penyedia perkhidmatan penyimpanan data, pemproses data, dan penyedia platform penglibatan pelanggan;
3. penyedia perkhidmatan kewangan seperti bank, pengeluar kad kredit, gerbang pembayaran atau penyedia perkhidmatan pembayaran;
4. pembekal enjin carian dan penyedia analitik yang membantu kami dalam pengoptimuman atau penambahbaikan Laman Web dan App kami;
5. pengiklan dan rangkaian pengiklanan yang mungkin memerlukan maklumat untuk memilih dan menyampaikan iklan yang berkaitan kepada anda;
6. mana-mana entiti yang membantu dengan penyiasatan penipuan atau proses yang berkaitan;

7. di mana kami terlibat dalam sebarang urusan niaga korporat, sebagai contoh, sebarang penggabungan dan/atau pengambilalihan yang sebenar atau dicadangkan, usaha sama, pelaburan atau urusan niaga pembiayaan, penjualan aset atau untuk sebarang perkara lain yang berkaitan dengan kami, pihak-pihak termasuk mana-mana pihak ketiga seperti rakan niaga, penasihat profesional mereka setakat mana maklumat sedemikian diperlukan secara munasabah;
8. mana-mana pihak yang memerlukan maklumat sedemikian yang berkaitan dengan prosiding undang-undang;
9. mana-mana badan dan pihak berkuasa kerajaan, kawal sedia dan penguatkuasaan undang-undang; dan
10. mana-mana pihak ketiga lain yang akan kami maklumkan kepada anda semasa pengumpulan Data Peribadi dan tertakluk kepada mendapatkan persetujuan anda sebelum pendedahan tersebut dibuat dan pendedahan tersebut hanya akan diberikan setakat yang dikehendaki oleh undang-undang yang terpakai.

Penyimpanan Data Peribadi Anda

Sebagai sebahagian daripada perkhidmatan yang disediakan melalui Laman Web dan App kami, kami mungkin memproses, menyimpan, dan/atau memindahkan dan menyimpan Data Peribadi anda ke negara-negara di luar Malaysia. Apabila kami memproses, menyimpan, dan/atau memindahkan Data Peribadi anda ke luar Malaysia, kami akan mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan langkah-langkah keselamatan yang sesuai diambil untuk memastikan bahawa hak privasi anda akan terus dilindungi sebagaimana yang diperuntukkan dalam Notis Privasi ini.

Kami juga akan mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk menyimpan Data Peribadi anda dengan selamat dan melindunginya daripada kehilangan, penyalahgunaan, atau pengubahan Data Peribadi yang tidak dibenarkan. Dalam hal ini, kami akan mengambil pakai langkah-langkah keselamatan teknikal dan organisasi untuk membantu melindungi daripada kehilangan, penyalahgunaan, atau pengubahan Data Peribadi anda yang tidak dibenarkan. Walaupun kami tidak dapat menjamin bahawa kehilangan, penyalahgunaan, atau perubahan yang tidak dibenarkan kepada Data Peribadi tidak akan berlaku, kami memastikan bahawa sistem kami mematuhi standard keselamatan pasaran yang munasabah untuk membantu melindungi daripada kejadian-kejadian sedemikian.

Akses kepada, Pembetulan atau Pemadaman Data Peribadi anda

Anda dialu-alukan untuk meminta akses kepada, membetulkan atau mengemas kini Data Peribadi anda yang disimpan bersama kami. Jika anda ingin berbuat demikian, anda boleh, pada bila-bila masa, log masuk ke akaun anda dengan kami dan melihat Data Peribadi anda dalam penyimpanan kami.

Sekiranya Data Peribadi anda tidak disediakan kepada anda melalui akaun anda di Laman Web dan App kami atau anda tidak dapat mengakses Data Peribadi anda, sila hantarkan permintaan kepada kami melalui e-mel (rujuk kepada tajuk "Hubungi Kami" di bawah). Sila ambil perhatian bahawa kami berhak untuk mengenakan bayaran yang berpatutan untuk sebarang permintaan akses Data Peribadi. Kami juga berhak untuk menolak akses, pembetulan atau pengemaskinian Data Peribadi anda dalam keadaan tertentu, mengikut undang-undang yang terpakai. Di mana kami memutuskan untuk menolak permintaan anda, kami akan memaklumkan kepada anda tentang perkara yang sama melalui penulisan serta menunjukkan sebab-sebab penolakan kami (melainkan jika ia tidak dibenarkan atau dilarang atas alasan undang-undang).

Jika anda tidak lagi memilih untuk menggunakan Laman Web dan/atau App kami dan ingin memadamkan akaun anda / menarik balik persetujuan anda untuk kami memproses Data Peribadi anda, anda boleh melakukannya pada bila-bila masa dengan menghubungi kami

melalui e-mel. Sila ambil perhatian bahawa dengan memilih untuk memadam akaun anda di salah satu Laman Web dan/atau App kami, anda akan memadamkan akaun anda di semua Laman Web dan/atau App kami.

Kuki

Kuki adalah fail data kecil yang mengandungi maklumat yang dihantar dari pelayan web ke peranti anda apabila anda melawat pelayan tersebut. Penggunaan kuki dan teknologi yang serupa adalah standard di semua pelayan web untuk mengenali aktiviti dalam talian anda dan memperibadikan pengalaman anda menggunakan Laman Web dan/atau App kami.

Jika anda memilih untuk tidak menerima kuki melalui Laman Web dan/atau App kami, anda boleh menetapkan peranti anda untuk memberi amaran kepada anda sebelum menerima kuki dan menolak kuki apabila peranti anda memberi amaran kepada anda mengenainya. Anda juga boleh menolak semua kuki dengan menyahdayakannya di peranti anda. Jika anda terus melayari Laman Web dan/atau App kami tanpa mengubah tetapan pada peranti anda untuk mengawal kuki, anda bersetuju untuk menerima kuki apabila anda menggunakan Laman Web dan/atau App kami.

Laman Web Luaran dan Pihak Ketiga

Laman Web dan App kami mungkin, dari semasa ke semasa, mengandungi pautan ke dan dari laman web atau mana-mana saluran media sosial rangkaian rakan kongsi kami, pengiklan, pembekal perkhidmatan, rakan kongsi perniagaan, ahli gabungan, dan mana-mana pihak ketiga yang lain.

Di mana anda diarahkan semula atau telah mengikuti pautan ke mana-mana laman web atau saluran media sosial tersebut, sila ambil perhatian bahawa kami tidak mengendalikan, mengawal atau mengesahkan, dalam sebarang aspek, kandungan laman web dan saluran media sosial tersebut. Anda bertanggungjawab sepenuhnya atas penggunaan laman-laman web atau saluran media sosial tersebut dan anda dinasihatkan untuk memeriksa terma dan syarat serta notis privasi laman web atau saluran media sosial tersebut.

Perubahan kepada Notis Privasi Kami

Kami mungkin mengemaskini atau menukar Notis Privasi ini pada bila-bila masa. Apabila kami berbuat demikian, kami akan menerbitkan Notis Privasi yang dikemaskini di Laman Web dan/atau App kami yang akan menggantikan versi Notis Privasi sebelumnya secara automatik. Penggunaan berterusan Laman Web dan/atau App kami atau komunikasi atau interaksi berterusan anda dengan kami selepas penerbitan Notis Privasi yang dikemaskini, sama ada disemak oleh anda atau tidak, akan dianggap sebagai persetujuan anda untuk terikat dengan Notis Privasi terkini yang disediakan di Laman Web dan/atau App kami.

Bahasa

Notis Privasi ini dikeluarkan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman atau percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

Hubungi Kami

Jika anda memerlukan sebarang penjelasan mengenai Notis Privasi ini atau maklumat lanjut berhubung dengan Data Peribadi anda (selain daripada pemadaman akaun anda di Laman Web dan/atau App kami), sila hubungi kami di greenmobility@gentari.com.

Jika anda menghubungi kami melalui e-mel atau borang hubungan, anda memberikan persetujuan sukarela anda kepada kami untuk mengumpul dan menyimpan alamat e-mel anda, nama anda, dan, jika berkenaan, Data Peribadi yang lain untuk tujuan menghubungi anda. Alamat e-mel dan nama digunakan untuk memperuntukkan pertanyaan dan seterusnya

menjawabnya. Maklumat yang anda berikan akan disimpan untuk tujuan memproses pertanyaan dan untuk soalan susulan yang mungkin timbul.